

## **TERMA DAN SYARAT-SYARAT BAGI PENJUALAN SECARA LELONGAN AWAM FMS**

1. Pembida hendaklah mendaftar di atas kad pengesahan pembida yang disediakan oleh Fleet Management Solution Sdn Bhd ("FMS").
2. Orang ramai atau pembeli yang memasuki premis lelongan adalah di bawah tanggungan sendiri. Orang ramai dan pembeli diberi amaran akan kemungkinan bahaya mesin, bahan kimia dan sebagainya.
3. Pembida tertinggi yang disahkan akan diisytiharkan sebagai pembeli bergantung kepada harga rezab, jika ada.
4. Premium pembeli adalah dikenakan ke atas kebanyakan lelongan FMS. Kadar premium terdapat di dalam katalog.
5. Jika terdapat perselisihan antara dua atau lebih pembida, lot lelongan tersebut di bawah kuasa jurulelong mungkin akan dipamerkan dan dijual semula, atau Jurulelong akan membuat keputusan di dalam perselisihan tersebut di mana keputusan Jurulelong adalah muktamad.
6. Hak untuk membida bagi pihak penjual adalah kuasa mutlak Jurulelong. Jurulelong boleh tanpa memberikan sebarang sebab menolak bidaan dari mana-mana pembida dan menolak tawaran bagi mana-mana lot atau menarik balik mana-mana lot dari lelongan.
7. Jurulelong atau kerani jurulelong adalah diberi kuasa untuk menandatangani nota atau memorandum kontrak kepada pembida tertinggi bagi mana-mana lot yang telah dilelong di bawah Seksyen 4, Akta Jualan Barangan 1957. Apabila tukul diketuk, pembida tertinggi mestilah memberikan nombor pembelinya, membayar dengan segera wang deposit bersama dengan jumlah yang telah ditetapkan di dalam katalog pembeli atau jumlah sepenuhnya jika diarahkan oleh Jurulelong. Wang deposit mestilah dibayar secara tunai ataupun dengan deraf bank.
8. Harga belian mestilah dibayar kepada Jurulelong didalam tempoh empat belas (14) hari selepas tarikh jualan lelong awam yang juga telah ditetapkan di dalam katalog pembeli.
9. Oleh kerana semua lot dibenarkan diperiksa sebelum lelongan, tiada pulangan balik akan dibuat, dan tiada mana-mana pembeli dibenarkan untuk menolak mana-mana lot di atas dasar lot tersebut adalah tidak sepertimana gambaran di dalam katalog pembeli. Seseorang pembeli hendaklah menerima sesuatu barangan beserta sebarang kerosakan yang mungkin terdapat pada barangan tersebut, dan barangan tersebut adalah di bawah tanggungan pembeli dari ketika tukul diketuk, di mana Jurulelong adalah bebas dari sebarang tanggungjawab untuk menjaga barangan tersebut dan Jurulelong tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian mahupun kerosakan pada barangan tersebut, walaupun kerugian mahupun kerosakan itu berlaku atau disebabkan oleh sebarang perbuatan, kecuaiian atau kesilapan Jurulelong atau pekerjanya atau ejennya
10. Setelah selesai proses penjualan barangan, pengambilan barangan akan dibenarkan mengikut butir-butir yang terdapat didalam katalog pembeli. Pengambilan barangan hanya dibenarkan dengan mengemukakan resit dan invoice rasmi Jurulelong di mana pembayaran penuh telahpun dibuat.
11. Jika pembeli gagal mematuhi syarat-syarat ini, sebarang wang bayaran bagi sebahagian nilai barangan akan dilupuskan dan kesemua lot yang tidak diambil mungkin akan dijual semula melalui lelongan awam atau kontrak persendirian. Pembeli yang gagal itu juga hendaklah membayar kepada jurulelong sebarang perbezaan, ke atas jualan semula beserta kos dan sebarang bayaran yang dikenakan bagi jualan semula.
12. Semua barangan yang telah dibayar penuh hendaklah diambil oleh pembeli di atas tanggungannya sendiri. Jika pembeli gagal berbuat demikian di dalam jangkamasa seperti yang ditetapkan dalam katalog, pembeli adalah bertanggungjawab untuk membayar suatu kadar penggudangan kepada Jurulelong bagi setiap minggu atau mana-mana kadar seperti yang ditetapkan di katalog pembeli. Kadar penggudangan tersebut dikira berdasarkan kadar penggudangan semasa bagi barangan yang sama dikenakan oleh Jurulelong. Semua barangan yang tidak diambil, tanpa sebarang notis kepada pembeli, mungkin dijual semula melalui lelongan awam atau jualan persendirian atau dilupuskan di atas risiko dan tanggungan pembeli yang gagal dan segala kos dan bayaran yang dikenakan ke atas jualan semula tersebut beserta dengan bayaran penggudangan yang dikenakan kepada pembeli yang gagal akan ditolak dari hasil jualan atau lain-lain pelupusan dan disimpan oleh Jurulelong.

13. Jika berlaku sebarang kekurangan di antara kuantiti barangan ketika lelongan dan ketika pengambilan barangan, pembeli hendaklah mengambil barangan tersebut dan Jurulelong hanya bertanggungjawab untuk menyerahkan kuantiti barangan yang ada sahaja. Walaubagaimanapun, Pembeli tidak dibenarkan membuat sebarang tuntutan berkaitan dengan kekurangan tersebut kecuali tuntutan tersebut dibuat sebelum barangan tersebut dikeluarkan dari premis Jurulelong.
14. Sekiranya tarikh bayaran atau pengambilan barangan di bawah syarat-syarat ini jatuh pada hari Sabtu, Ahad atau cuti umum, pengambilan barangan tersebut hendaklah dibuat pada hari bekerja berikutnya.
15. Cukai yang dikenakan oleh kerajaan dan Cukai Jualan akan ditambah kepada harga belian, yang mana berkenaan.
16. Tiada waranti diberi bahawa mana-mana barangan elektrik yang dijual mematuhi syarat-syarat keselamatan Jabatan Bekalan Elektrik. Pembeli memahami bahawa di bawah undang-undang Malaysia, pembeli adalah dikehendaki membawa barangan tersebut untuk diperiksa dan jika perlu dibaiki oleh kontraktor elektrik berdaftar sebelum diguna atau dijual semula.
17. Pembeli adalah tertakluk kepada masa yang telah ditetapkan di dalam syarat-syarat ini.
18. Hanya Jurulelong sahaja yang berhak untuk membuat keputusan di atas segala kes yang dipertikaikan.
19. Barangan hanya akan dikeluarkan dengan menunjukkan invois asal dan juga resit rasmi bayaran penuh.
20. Syarat-syarat yang terdapat di sini adalah terjemahan dari syarat-syarat asal di dalam Bahasa Inggeris. Jika terdapat sebarang percanggahan, syarat asal di dalam Bahasa Inggeris adalah di terima sebagai kata pemutus.

\* \* \* \* \*

## **TERMA DAN SYARAT-SYARAT KHAS BERHUBUNG DENGAN JUALAN KENDERAAN BERMOTOR DAN JENTERA**

DEPOSIT KE ATAS HARGA BELIAN DI BAWAH RM1,000.00 ATAU STRUKTUR DEPOSIT YANG TERDAPAT DALAM KATALOG MESTI DIJELASKAN DALAM BENTUK TUNAI ATAU DRAF BANK SELEPAS TUKUL DIKETUK.

BAKI PEMBAYARAN HENDAKLAH DIBUAT MELALUI **TUNAI, DRAF BANK, PEMINDAHAN TELEGRAFIK** SEBELUM PENGAMBILAN BARANGAN OLEH PEMBELI.

Menjelang proses jualan, pembeli akan diberi maklumat berhubung kerosakan ke atas kenderaan yang ditawarkan untuk lelongan. Ini akan dilakukan jika kerosakan tersebut telah dikenalpasti tetapi ini tidak bermakna tiada kerosakan lain yang perlu diperbaiki. Walaubagaimanapun, kenderaan yang ditawarkan adalah di dalam keadaan "seadanya" (as is where is basis) dan di bawah tanggungan pembeli seperti dinyatakan dalam perenggan 9 terma dan syarat-syarat jualan melalui lelongan.

Tahun yang tertera di dalam katalog adalah samada tahun kenderaan dibuat atau tahun kenderaan didaftarkan.

Pembida bertanggungjawab untuk melihat dan memeriksa kenderaan yang ditawarkan untuk lelongan. Sila pastikan model dan keadaan kenderaan sebelum lelongan. Pihak pelelong tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan model kenderaan yang tertera di dalam catalog.

Pembida dinasihatkan membuat sendiri semakan saman Polaris DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebelum lelongan bagi kenderaan yang ingin dibida. Pihak pelelong tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang saman yang mungkin dikenakan ke atas kenderaan lelongan.

## **FMS TERMS AND CONDITIONS OF SALES BY PUBLIC AUCTION**

1. Bidders must register on the authorized cards supplied by Fleet Management Solution Sdn Bhd (“FMS”).
2. All buyers or members of the public enter the auction premises entirely at their own risk. Buyers and members of the public are warned of the possibility of dangerous machinery, chemicals etc being present in the auction premises.
3. The highest approved bidder will be declared the buyer, subject to reserve price, if any.
4. Buyer’s premium applies at most FMS Auctions. The rate will be stated in the Catalogue.
5. If any dispute arises between two or more bidders, the lot in dispute may at the discretion of the Auctioneer, be put up again and resold, or the Auctioneer may decide the dispute, in which case his decision is final.
6. A right to bid on behalf of the Vendor is expressly reserved by the Auctioneer. The Auctioneer may, without giving reason, refuse to accept the bid of any person and may decline the offer for any lot or withdraw any lot from sale.
7. The highest bidder to whom any lot is knocked down authorizes the Auctioneer or the Auctioneer’s Clerk to sign a note or memorandum of the contract made pursuant to Section 4 of the Sale of Goods Act 1957. On the fall of the hammer, the person to whom the lot is knocked down must give his or her Buyer’s Number, forthwith pay the deposit equivalent to the sum specified in the buyer’s Catalogue, or the whole of purchase price if demanded by the Auctioneer. The deposit must be paid by means of **cash or bank draft**.
8. The purchase price must be paid in CASH, BANK DRAFT OR TELEGRAPHIC TRANSFER within 14 days after the date of public auction sale which is also specified in the Buyer’s Catalogue.
9. As all the lots were made available for inspection before the Auction, no allowance or refund will be made, nor will any buyer be permitted to reject any lot on the grounds that it is not correctly described in the buyer’s Catalogue. A buyer accepts the goods with any faults they may have and the goods are at the Buyer’s risk from the fall of the hammer, after which the Auctioneer is free of all the responsibility for safe guarding the goods and is not liable for any loss or damage to them, even if that loss or damage is caused or contributed to by any act, neglect or default of the Auctioneer or its servants or agents.
10. Collection of goods will be given from the completion of sale as per the information provided in the Buyer’s Catalogue but only on production of Auctioneer’s official receipt and invoice where full payment has been made.
11. If a Buyer fails to comply with FMS Terms and Conditions of public auction sale, any money in part payment for the goods is forfeited and all un-cleared lots may be resold by public auction or private contract. The defaulting buyer must pay the Auctioneer any deficiency, on resale, together with costs and charges of the resale.
12. All goods that have been paid in full must be removed at the Buyer’s expense. If the buyer fails to remove the goods by the time specified in the catalogue, the buyer is liable to pay the Auctioneer for each week or part of the week during which the goods or part of them remain uncollected, a storage rate calculated in accordance with the current storage rate for goods of the same type charged by the Auctioneer or in any case specified in the Buyer’s Catalogue.  
All goods that are not removed may without prior notice to the buyer, be resold by public auction or private sale or otherwise disposed of at the risk and expense of the defaulting buyer, and the costs and charges of and incidental to that resale, together with storage charges payable by the defaulting buyer may be deducted from the proceeds of the resale or other disposal and retained by the Auctioneer.
13. If any deficiency is found to exist between the quantities of goods described at the time of sale and that available for collection, the buyer must take, and the Auctioneer is required to deliver, only the quantity actually available. The buyer may make no claim arising from any deficiency unless it is made before the goods are removed from the Auctioneer’s premises.

14. If any date for payment of money or collection of goods under these Conditions falls on a Saturday, Sunday or Public Holiday, that payment must be made, or collection be taken, on the following working day.
15. Appropriate Government duties and Sales tax will be added to the purchase price where applicable.
16. No warranty is given that any electrical appliance offered for sale complies with the safety requirements of National Electrical Board. The buyer acknowledges that he or she is aware under the Malaysian legislation, the buyer is required to have the appliance examined and if necessary repaired by a registered electrical contractor before use or resale.
17. Time is of essence of the buyer's obligations under these Conditions.
18. Auctioneer is the sole arbiter in all cases of dispute.
19. Goods will only be released upon presentation of original invoice and official receipt of full payment.

\* \* \* \* \*

**SPECIAL TERMS AND CONDITIONS OF SALES APPLYING TO MOTOR VEHICLE  
AND MACHINERY**

A DEPOSIT OF THE TOTAL PRICE FOR GOODS BELOW RM1,000.00 OR IN ACCORDANCE TO THE SCALE SET-UP IN THE CATALOGUE IS REQUIRED IN CASH OR BANK DRAFT ON THE FALL OF THE HAMMER.

THE BALANCE IS TO BE PAID STRICTLY BY **CASH, BANK DRAFT OR TELEGRAPHIC TRANSFER** BEFORE THE COLLECTION OF ITEMS/GOODS.

During the sale, buyers will be advised of the faults or defects in some of the vehicles offered for sale. This will be done where it is known of such faults but this does not mean that these vehicles have nothing else wrong with them or that the vehicles sold without any announcement being made do not require repairs. Nevertheless, all vehicles are offered for sale on an "as is where is" basis and at the buyer's risk. In this regard, attention is drawn to Clause 9 of the Conditions of Sale.

The year shown in the Catalogue for each motor vehicle may be either the year in which the vehicle was manufactured or year of registration.

The bidder is responsible to view and inspect the vehicles they intended to bid. Please ensure that you have confirmed the model and view the condition of the vehicles. Auctioneer will not be responsible for any mistake on model of the vehicles stated in the catalogue.

The bidder is advised to check if any summons being imposed to the vehicle by Polis DiRaja Malaysia (PDRM) and Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) before bidding. Auctioneer will not be responsible for any summons imposed to the auctioned vehicles.